

02/01/2003

Malaysia belum timbang bawa isu air ke PCA

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia setakat ini belum mempertimbangkan sama ada untuk membawa isu harga air ke mahkamah tempatan di dalam negara atau Mahkamah Tetap Timbang Tara (PCA) di The Hague, Belanda, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Buat masa ini kita belum mempertimbangkan perkara itu. Kita akan membincangkannya kemudian," kata Perdana Menteri selepas menghadiri Rumah Terbuka tahun baru 2003 anjuran Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di sini hari ini.

Ditanya oleh wartawan penyiaran dari Singapura mengenai bagaimana isu air dengan republik itu boleh diselesaikan, beliau berkata: "Kita akan memikirkan mengenai sesuatu".

Mengenai tuntutan Singapura terhadap Pulau Batu Putih, Dr Mahathir berkata isu membabitkan kedaulatan negara itu akan dibincangkan pada mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) 7 Januari ini.

Sementara itu, Menteri Luar Negeri Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata perjanjian khas di antara Malaysia dan Singapura mengenai tuntutan bertindih Pulau Batu Putih dijangka ditandatangani selewat-lewatnya bulan depan untuk membolehkan isu tuntutan itu di bawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Katanya, perjanjian khas itu bagi membolehkan kes tuntutan berkenaan direkod dan didaftarkan sebelum ICJ menetapkan tarikh perbicaraan.

Bagaimanapun, katanya tarikh itu bergantung kepada persetujuan Singapura yang sebelum ini pernah membuat kenyataan akhbar untuk menandatangani perjanjian itu, bulan ini.

"Kita harap perjanjian ditandatangani secepat mungkin. Kalau boleh Januari tapi kalau tidak, awal Februari sebelum Persidangan Ketua-Ketua Negara atau Kerajaan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang bermula 20 Februari depan," katanya pada sidang akhbar di Kuala Terengganu, hari ini.

Syed Hamid berkata setakat ini belum ada komunikasi dengan Singapura dan beliau akan mengeluarkan arahan kepada Wisma Putra untuk menghubungi Suruhanjaya Singapura bagi mengetahui keadaan sebenar.

Katanya, walaupun Malaysia bersedia menandatangani perjanjian khas dengan Singapura bila-bila masa saja, negara itu tidak pernah menghubungi kementerian mengenai perjanjian berkenaan.

Beliau berkata, kementerian hanya mendengar kenyataan Singapura menerusi akhbar dan kesahihan kenyataan itu boleh dipertikaikan.

"Nasihat saya pada mereka (Singapura) ialah kita tidak boleh menguruskan hubungan dua hala antara dua negara mengenai perkara khusus melalui pengumuman akhbar semata-mata.

"Apabila mereka buat macam itu (kenyataan akhbar) tanpa tarikh dan tempat, seolah-olah mereka menyalahkan Malaysia. Sepatutnya ada tarikh dan masa, kita akan cuba selesaikan secepat mungkin," katanya.

Beliau berkata, Malaysia memberi jaminan isu tuntutan bertindih terhadap pulau berkenaan tidak akan membabitkan tindakan yang boleh mendatangkan pertelingkahan fizikal antara dua negara.

Bagaimanapun, katanya kerajaan tidak mahu Singapura menyekat pihak berkuasa Malaysia daripada menjalankan operasi di kawasan yang dianggap menjadi sebahagian milik Malaysia.

Beliau berkata, kerajaan akan melakukan apa yang perlu untuk menunjukkan kedaulatan negara terhadap Pulau Batu Putih.

Syed Hamid berkata, berdasarkan pertelingkahan dan tuntutan masing-masing mengenai kedaulatan, isu itu mungkin tidak dapat diselesaikan kedua belah pihak.

Mengenai arahan dikeluarkan berhubung aspek keselamatan di pulau berkenaan, beliau berkata Malaysia sudah membuat keputusan bahawa soal kedaulatan dari segi undang-undang pemilikan pulau itu dibawa ke ICJ.

Katanya, kerajaan Malaysia tidak menyenangi tindakan Singapura yang seolah-olah menjadikan pulau itu sebagai hak milik mutlak mereka walaupun pulau itu masih sebahagian daripada Malaysia.

Kerajaan, katanya kesal dengan sikap Singapura yang menjadikan pulau itu sebagai tempat memperkukuhkan sistem pertahanan sedangkan pada masa dulu tempat itu adalah rumah api yang menentukan keselamatan perjalanan kapal di kawasan berkenaan.

"Sikap sedemikian boleh mencetuskan pertelingkahan dan kita tidak mahu orang awam pergi membuat lawatan ke tempat yang terlampau dekat dengan pulau itu untuk mengelak sebarang insiden.

"Oleh kerana ada sikap Singapura yang begitu agresif, lebih elok perkara ini ditangani dan diuruskan pihak berkuasa yang bertanggungjawab," katanya.

Beliau berkata, sebab itu polis tidak membenarkan mana-mana pihak membuat lawatan ke kawasan berkenaan bagi mengelak berlakunya kejadian tidak diingini.